



JABATAN PENDIDIKAN PERAK  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.



Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273  
portal : <http://www.pendidikanperak.gov.my>

**“1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**

Ruj. Kami: J.Pend. Pk. (AM) 4598/8 Jld.20 ( 43 )  
Tarikh: 5 Rabiulakhir 1438H  
4 Januari 2017

Semua Pengetua,  
Sekolah Menengah Negeri Perak.

Semua Guru Besar,  
Sekolah Rendah Negeri Perak.

Tuan,

**PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH, ALKOHOL, ROKOK, VAPE, INHALAN, KETUM, DAN HIV/AIDS PERINGKAT SEKOLAH BAGI TAHUN 2017**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak tuan yang sentiasa mengambil berat dan berusaha melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat sekolah. Usaha yang berterusan ini menunjukkan keprihatinan pihak tuan dalam membendung masalah penggunaan bahan terlarang dan aktiviti-aktiviti lain yang menjurus kepada pengambilan dadah dalam kalangan murid.

3. Berdasarkan ujian urin yang dijalankan sepanjang tahun 2016 ke atas 3863 orang murid sekolah menengah yang berada dalam kawasan berisiko, peratusan murid terlibat adalah 4.89% berbanding dengan jumlah murid yang diuji. Justeru “**usaha-usaha pendidikan pencegahan**” mestи digiatkan supaya murid-murid sentiasa menerima mesej tentang bahaya dadah, alkohol, rokok, vape, inhalan, ketum, dan HIV/Aids.

4. Masalah penggunaan bahan terlarang dalam kalangan murid merupakan perkara yang perlu perhatian serius secara bersepada oleh semua pihak. Saya menyeru agar semua pihak dapat bersama-sama berusaha merealisasikan **Sekolah Bebas Dadah** dengan berdasarkan kepada empat strategi utama:

- 4.1. Pengurusan dan kepimpinan.
- 4.2. Kurikulum.
- 4.3. Kokurikulum.
- 4.4. Pembangunan sahsiah.

5. Strategi yang telah disenaraikan tersebut hanya akan dapat direalisasikan dengan melaksanakan matlamat seperti berikut:

- 5.1. Semua sekolah menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah peringkat sekolah.
- 5.2. Semua sekolah mengadakan sambutan Hari Antidadah Kebangsaan peringkat sekolah.
- 5.3. Semua sekolah mengadakan program ‘5 Minit Mesej Antidadah’ semasa perhimpunan atau mengikut kesesuaian.
- 5.4. Semua sekolah menengah melaksanakan ujian urin sepanjang tahun 2017.
- 5.5. Semua murid yang didapati positif dalam ujian urin akan dilibatkan dalam program intervensi murid, dipantau dan diberi bimbingan sehingga mereka benar-benar negatif dalam ujian urin seterusnya.
- 5.6. Semua sekolah mewujudkan Bilik / Laluan / Sudut PPDa Sekolah.
- 5.7. Pemantauan Pengurusan Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di daerah dan di peringkat sekolah diadakan sepanjang tahun.

6. Oleh itu, untuk memastikan murid-murid sekolah sentiasa mendapat maklumat terkini melalui aktiviti-aktiviti terancang berkaitan bahaya dadah, alkohol, rokok, vape, inhalan, ketum, dan HIV/Aids (rujuk Surat Pekeliling Am Bil. 1 tahun 1985, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 29 Januari 1985 yang diedarkan ke semua jabatan dan sekolah) maka semua sekolah diminta mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :

**6.1 Melantik Seorang Guru Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah / Setiausaha Pendidikan Pencegahan Dadah**

- 6.1.1 Mengenalpasti dan melantik seorang **Guru Pendidikan Pencegahan Dadah / Setiausaha Pendidikan Pencegahan Dadah** bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti PPDa di sekolah. Jika **Guru PPDa** dilantik dalam kalangan **guru biasa**, maka beliau diminta bekerjasama dan membantu guru bimbingan dan kaunseling sedia ada.
- 6.1.2 Sila rujuk tugas Guru PPDa di Lampiran 1 dan seterusnya melengkapkan:
  - a) Borang Biodata Guru/Setiausaha PPDa 2017
  - b) Jawatankuasa Kerja PPDa Sekolah Tahun 2017
  - c) Instrumen Pemantauan Kendiri 2017.
- 6.1.3 Borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada Penolong PPD/Penyelia PPD masing-masing selewat-lewatnya pada atau 31 Januari 2017. Borang berkenaan boleh dimuat turun daripada portal JPN di alamat <http://jpnpereak.moe.gov.my>

## **6.2 Melaksanakan Aktiviti-Aktiviti PPDa**

### **6.2.1 Sambutan Minggu Antidadah**

6.2.1.1.Minggu Antidadah disambut setiap tahun mulai **19 Februari (Peringkat Kebangsaan) 26 Jun (Peringkat Antarabangsa)**. Sehubungan dengan itu, sekolah digalakkan merancang dan menyambut Minggu Antidadah dengan membaca perutusan Antidadah dan juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian seperti melukis poster antidadah, koir antidadah, deklamasi sajak antidadah dan sebagainya.

### **6.2.2 Karnival Seni PPDa : (Peringkat sekolah)**

6.2.2.1.Pihak sekolah adalah disarankan untuk menjalankan aktiviti seni antaranya

a. Bagi sekolah menengah:

- Mendeklamasikan Sajak Antidadah;
- Pertandingan Melukis Poster Antidadah;
- Pertandingan Nasyid dan Dikir Barat Antidadah.

b. Bagi sekolah rendah:

- Pertandingan Mendeklamasikan Sajak Antidadah;
- Pertandingan Mewarna Poster Antidadah;
- Pertandingan Boria Antidadah.

6.2.2.2 Panduan untuk melaksanakan karnival ini boleh diperolehi daripada Penolong PPD / Penyelia Pendidikan Pencegahan Dadah Daerah atau Unit PPDa, JPN Perak.

### **6.2.3 Bilik Laluan dan Sudut Pendidikan Pencegahan Dadah**

6.2.3.1.Guru PPDa diminta membangunkan dan memajukan Bilik / Laluan / Sudut PPDa sebagai sumber rujukan murid.

6.2.3.2.Bilik / Laluan / Sudut PPDa bersifat “one-stop centre” yang mengandungi maklumat-maklumat bahaya dadah, alkohol, rokok, vape, inhalan, ketum, dan HIV/Aids.

6.2.3.3.Sekolah-sekolah yang boleh dilawati sebagai penanda aras Bilik / Laluan / Sudut PPDa :

#### **Sekolah Menengah**

1. SMK Slim, Slim River
2. SMK Tok Perdana, Sitiawan

#### **Sekolah Rendah**

1. SK Iskandar Perdana, Seri Iskandar
2. SK Dato' Yahya Subban, Chenderong Balai
3. SK Toh Sajak, Batu Kurau

#### **6.2.4 Ceramah-ceramah PPDa**

6.2.4.1.Guru PPDa boleh menganjurkan ceramah-ceramah PPDa dengan menjemput pegawai-pegawai dari PPD, JPN, Agensi Antidadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan dan mana-mana jabatan yang difikirkan relevan dan boleh menyampaikan maklumat kepada murid-murid.

6.2.4.2.Aktiviti di atas juga boleh dilaksanakan semasa **perhimpunan mingguan sekolah** dengan memberi peluang murid-murid selama beberapa minit untuk menceritakan tentang bahaya bahan-bahan terlarang tersebut, sama ada daripada akhbar ataupun mana-mana bahan.

7. Bersama-sama surat ini, dilampirkan **Surat Pelaksanaan Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) Tahun 2017** daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2010 Pelaksanaan Ujian Urin Murid Sekolah**, senarai **Surat Pekeliling Ikhtisas, Pekeliling Perkhidmatan dan Surat Siaran berkaitan Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)**.

8. Semua aktiviti dan program Pendidikan Pencegahan Dadah bagi tahun 2017 hendaklah berdasarkan tema iaitu "**1MALAYSIA MEMBANTERAS DADAH**". Sebarang pertanyaan berkaitan dengan program di peringkat sekolah hendaklah dirujuk kepada Pejabat Pendidikan Daerah (u.p Penolong PPD / Penyelia Pendidikan Pencegahan Dadah)

9. Pihak JPN, PPD dan juga Jemaah Nazir Sekolah akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan dadah, alkohol, rokok, vape, inhalan, ketum, dan HIV/Aids.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**Saya yang menurut perintah,**

  
(HAJI MAT LAZIM BIN IDRIS, AMP.)  
Pengarah Pendidikan Negeri Perak.

- s.k.
1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  2. Semua Ketua Sektor,  
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
  3. Semua Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah, Negeri Perak
  4. Ketua Jemaah Nazir Negeri Perak.
  5. YDP MPSM Negeri Perak.
  6. YDP MGB Negeri Perak.